

UCAPAN OLEH

**YANG AMAT ARIF KETUA HAKIM
DATO SERI PADUKA STEVEN CHONG**

**PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
2026**

KHAMIS, 22 JANUARI 2026

TERJEMAHAN

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Major General (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II,

Yang Berhormat Peguam Negara,

Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie,

Yang Di-Pertua Persatuan Undang-Undang,

Ahli-Ahli Badan Peguam,

Tetamu yang dihormati,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

I. PENGENALAN

1. Bagi pihak Kehakiman, sukacita saya mengalu-alukan awda semua ke Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2026. Majlis ini memberi peluang kepada kita semua untuk memperkukuhkan lagi komitmen bersama dalam memartabatkan kedaulatan undang-undang di Negara Brunei Darussalam, merenung kembali pencapaian kita sepanjang tahun lalu, serta menggariskan keutamaan bagi tahun yang akan datang.

TERJEMAHAN

2. Dalam kita memulakan tahun perundangan yang baharu, kita sentiasa menyedari akan kepercayaan dan tanggungjawab besar yang dipikul oleh mahkamah dalam pentadbiran keadilan. Kita bersyukur kerana mempunyai satu Kehakiman yang kebebasannya diiktiraf malah terpelihara sepenuhnya. Proses dalam membuat keputusan kehakiman serta pelantikan jawatan dilaksanakan tanpa sebarang tekanan atau pengaruh luar, sekali gus memartabatkan kedaulatan undang-undang dan memperkukuhkan keyakinan orang awam terhadap pihak mahkamah, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

3. Pihak Kehakiman kekal teguh dengan komitmennya untuk memastikan pentadbiran keadilan yang cekap, berkesan, saksama dan adil, serta dalam mempromosikan akses kepada keadilan, demi kepentingan semua pihak yang hadir di mahkamah.

4. Dalam menyokong Wawasan Brunei 2035, pihak Kehakiman turut memainkan peranan penting dalam menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara serta dalam menarik pelaburan asing. Kehakiman yang cekap, berkesan dan kompeten dalam menyelesaikan pertikaian komersial dengan pantas, akan dapat memupuk keyakinan dalam kalangan para pelabur dan komuniti perniagaan. Apabila pihak-pihak yang terlibat boleh bergantung kepada mahkamah untuk menguatkuasakan kontrak, memartabatkan kedaulatan undang-undang, serta menyampaikan keputusan yang tepat pada masanya dan adil, ianya akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang stabil dan boleh diramal. Integriti dan kecekapan kehakiman yang sedemikian mengurangkan risiko komersial, menggalakkan keusahawanan, serta memberi isyarat kepada komuniti perniagaan global bahawa negara ini adalah merupakan destinasi pelaburan yang boleh dipercayai dan menarik.

TERJEMAHAN

5. Data daripada Bank Dunia menunjukkan bahawa setakat tahun 2023, kedudukan peratus kedaulatan undang-undang Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap 79%. Ini bermakna bahawa Negara Brunei Darussalam mencatat skor yang lebih tinggi berbanding kira-kira 79% daripada semua negara lain di seluruh dunia dari segi persepsi kedaulatan undang-undang dalam kualiti penguatkuasaan kontrak, hak milik harta, pihak polis dan mahkamah. Ini mencerminkan persekitaran kedaulatan undang-undang yang kukuh dan menunjukkan prestasi yang baik berbanding rakan serantau seperti Singapura (98%), Jepun (92%), Hong Kong SAR (88%) dan Korea Selatan (86%), serta menekankan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam menegakkan keadilan dan kedaulatan undang-undang.

Sehubungan itu, izinkan saya untuk berkongsi usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kehakiman sepanjang tahun lalu bagi menyokong komitmen tersebut.

II. PERKEMBANGAN UTAMA PADA TAHUN 2025

A. Sistem JCMS 2.0 dan Kemajuan dalam Pelaksanaan Pembaharuan

6. Pada tahun 2025, kita telah memulakan fasa pembangunan bagi Sistem Pengurusan Kes Kehakiman yang dinaik taraf, iaitu *Judiciary Case Management System (JCMS 2.0)*, yang akan diteruskan sepanjang tahun 2026. Kita menyasarkan pelancaran sistem ini pada tahun 2027, yang akan menandakan satu langkah besar ke hadapan dalam mempertingkatkan perkhidmatan mahkamah secara dalam talian bagi memenuhi keperluan dan jangkaan para pengguna mahkamah.

7. Kita telah meneruskan usaha dalam memajukan pembaharuan Prosedur Sivill melalui kajian-kajian berterusan yang diketuai oleh Pemangku Ketua Pendaftar serta

TERJEMAHAN

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi bagi meneliti secara menyeluruh keseluruhan Peraturan-Peraturan Mahkamah Agung. Kajian-kajian tersebut menumpukan kepada perbandingan antara peraturan yang sedia ada dengan Singapore's Rules of Court 2021, bagi mengenal pasti bidang-bidang yang boleh dipertingkatkan melalui pembaharuan, khususnya dalam meningkatkan kecekapan dan akses kepada keadilan dengan usaha mempermudah prosedur, menyokong pendigitalan, memudahkan pengurusan kes, menggalakkan penyelesaian pertikaian secara alternatif, serta mempromosikan prinsip kesepadanan antara kerumitan dan nilai sesuatu kes. Bagi menyokong pelaksanaan pembaharuan ini, arahan amalan dan surat keliling akan dikeluarkan bagi memastikan proses peralihan yang lancar, memandangkan perubahan-perubahan ini diperkenalkan secara berperingkat.

8. Kemajuan turut dicapai dalam aspek pembaharuan berkaitan dengan Ketidakmampuan Bayar (Insolvensi). Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan yang terdiri daripada Pegawai Penerima Rasmi dan Timbalan Pegawai Penerima Rasmi bagi mengkaji semula rangka kerja serta prosedur kebangkrapan dan insolvensi yang sedia ada. Daripada kaji selidik terkini yang dijalankan terhadap ahli-ahli Persatuan Undang-Undang menunjukkan wujudnya persetujuan bahawa pentadbiran semasa ini adalah ketinggalan zaman dan memerlukan pembaharuan, terutamanya dari segi penguatkuasaan, kecekapan prosedur serta keterbatasan proses bagi pemulihan perniagaan.

Terdapat sokongan yang kukuh untuk mengkaji model-model perbandingan, termasuk rangka kerja insolvensi Singapura, dengan memastikan bahawa sebarang pembaharuan yang dicadangkan disesuaikan dengan konteks perundangan dan ekonomi di Negara Brunei Darussalam. Maklumat ini telah menjadi panduan kepada kerja berterusan jawatankuasa tersebut dalam merangka cadangan-cadangan untuk memodenkan dan memperkukuhkan pentadbiran insolvensi ini agar kekal berkesan serta responsif terhadap realiti komersial.

TERJEMAHAN

9. Sehubungan dengan itu, pada penghujung tahun 2025, Pejabat Pegawai Penerima Rasmi telah memperkenalkan projek rintis bagi meningkatkan pencapaian keadilan di seluruh negara dengan menjalankan mesyuarat pemiutang di mahkamah-mahkamah daerah. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan masa perjalanan serta meningkatkan kemudahan yang mana penghutang penghakiman dapat menghadiri prosiding di Mahkamah Daerah Tutong dan Mahkamah Kuala Belait melalui sidang video, manakala Timbalan Pegawai Penerima Rasmi dan peguam masing-masing menyertai prosiding tersebut dari Mahkamah Tinggi di Bandar Seri Begawan.

10. Manakala dalam bidang keadilan keluarga, kumpulan kerja khas telah ditubuhkan bagi menyemak prosiding perceraian dan pengangkatan anak di Mahkamah Tinggi (bagi yang bukan beragama Islam) serta proses di Mahkamah Juvana. Inisiatif utama adalah termasuk menyemak dan memperluaskan pelantikan Panel Penasihat bagi Mahkamah Juvana, memperkenalkan kaunseling sebagai komponen yang penting dalam prosiding perceraian, dan meningkatkan proses sebelum pengangkatan anak, khususnya bagi pemohon yang tidak diwakili. Penambahbaikan ini mencerminkan penekanan berterusan terhadap pendekatan berfokuskan kanak-kanak dan pelbagai disiplin yang menggalakkan campur tangan awal serta kebajikan jangka panjang keluarga dalam sistem keadilan. Kumpulan-kumpulan kerja sedang membangunkan penambahbaikan ini melalui perundingan rapat dengan agensi-agensi berkaitan dan perkhidmatan sokongan bagi menangani isu-isu keluarga serta mencapai hasil yang mampan bagi keluarga yang hadir di hadapan mahkamah.

B. Hubungan Antarabangsa

11. Kehakiman mengiktiraf bahawa kerjasama kehakiman adalah penting sebagai satu cara untuk meningkatkan keupayaan institusi, memartabatkan kedaulatan undang-undang dan berkongsi amalan terbaik. Sepanjang tahun lalu, kita telah meneruskan usaha memperkukuhkan hubungan rakan sejawat di luar negara melalui beberapa penglibatan di peringkat antarabangsa dan serantau.

TERJEMAHAN

12. Pada Februari 2025, satu pencapaian penting telah dicatatkan dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MOU) yang diperbaharui mengenai kerjasama kehakiman antara Mahkamah Besar negara kita dan Mahkamah Agung Rakyat Republik Rakyat China. MOU yang diperbaharui ini mengemas kini Memorandum Kerjasama yang pertama kali ditandatangani pada tahun 2004 dan bertujuan untuk memperkukuh komunikasi, kolaborasi serta kerjasama dalam perkara-perkara berkaitan pencegahan pertikaian dan penyelesaian pertikaian. Kami berbesar hati kerana majlis menandatangani MOU tersebut telah disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta Presiden Republik Rakyat China Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

13. Susulan pemeteraian MOU tersebut, kita meneruskan penglibatan dengan Republik Rakyat China dan telah menghadiri majlis menandatangani Konvensyen Penubuhan Pertubuhan Antarabangsa bagi Mediasi (IOMed) yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Wang Yi, Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China pada Mei 2025. Konvensyen ini menubuhkan pertubuhan antara kerajaan pertama di dunia yang khusus kepada mediasi antarabangsa. Di samping majlis penandatanganan tersebut, saya turut menghadiri Forum Global mengenai Mediasi Antarabangsa yang menampilkan panel-panel berkaitan tema-tema utama seperti mediasi pertikaian pelaburan antarabangsa dan komersial, yang mencerminkan peningkatan kepentingan mediasi dalam landskap perundangan antarabangsa.

14. Pada Februari 2025, saya telah mewakili Kehakiman kami di Persidangan Kehakiman Pasifik yang diadakan di Auckland, New Zealand yang dianjurkan oleh Ketua Hakim New Zealand Yang Amat Arif Dame Helen Winkelmann dan Kehakiman New Zealand, dan menghimpunkan Ketua-Ketua Hakim, hakim-hakim serta pegawai kehakiman dari seluruh bidang kuasa di rantau Pasifik untuk membincangkan isu-isu berkaitan kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang, hala tuju masa hadapan mahkamah, penggunaan teknologi serta pelantikan kehakiman.

TERJEMAHAN

15. Pada September 2025, kita telah mengadakan lawatan rasmi ke Mahkamah Litar Persekutuan dan Keluarga Australia di Melbourne, di mana kami telah disambut dengan mesra oleh Ketua Hakim William Alstergren AO dan ahli-ahli kanan Mahkamah tersebut. Perbincangan kami memberi tumpuan kepada pentadbiran mahkamah dan kehakiman, pengurusan kes, mediasi di bawah mahkamah serta peranan pendaftar, selain inisiatif bagi menyokong litigan yang mewakili diri sendiri, dengan perhatian khusus diberikan kepada mekanisme Penyelesaian Pertikaian Mahkamah Keluarga serta Perkhidmatan Advokasi dan Sokongan Keluarga dalam melindungi pihak-pihak yang terdedah. Lawatan ini telah menegaskan semula komitmen bersama untuk memperkukuh kerjasama kehakiman di bawah Pelan Tindakan Australia–Brunei 2024–2027, serta menyediakan satu landasan yang bernilai bagi mengenal pasti peluang pertukaran profesional, pendidikan kehakiman dan perkongsian amalan terbaik. Sebagai sebahagian daripada program tersebut, kita juga telah melawat Mahkamah Kanak-Kanak Victoria dan Kolej Undang-Undang, sekaligus memperoleh pemahaman mengenai keadilan berfokuskan kanak-kanak, amalan restoratif, pendidikan undang-undang berterusan serta program mediasi bertauliah.

16. Penglibatan kehakiman dengan United Kingdom (UK) terus berkembang dengan baik. Pada Februari 2025, kami berbesar hati menerima kehadiran Yang Amat Arif Lord Hodge, Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy (JCPC) yang telah menyampaikan syarahan di Negara Brunei Darussalam bertajuk 'The Impact of the Supreme Court on the Wider Economy' dan 'The Impact of the Privy Council'. Syarahan tersebut mendapat penyertaan meluas daripada seluruh komuniti perundangan dan amat signifikan memandangkan peranan JCPC sebagai mahkamah rayuan terakhir bagi perkara sivil dalam bidang kuasa kita.

17. Pada Mei 2025, melalui kerjasama kita dengan International Law Book Facility (ILBF) dari United Kingdom, kita telah menerima sumbangan yang amat bermakna berupa penghantaran buku-buku teks undang-undang serta buku rujukan perundangan, yang kini ditempatkan di Perpustakaan Mahkamah Besar dan boleh diakses oleh para hakim, pengamal undang-undang serta pelajar. Sumber-sumber ini memperkayakan koleksi

TERJEMAHAN

pepustakaan kita dan menyediakan bahan terkini yang dapat membantu dalam penyelidikan dan amalan perundangan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ILBF untuk penyelarasan yang efisien dan kita menantikan kesinambungan kerjasama ini pada masa akan datang. Pada Oktober 2025, kita telah menyertai Kehakiman England dan Wales dalam *International Judicial Mentoring Programme (I-JUMP) 2025-2026*, di mana empat orang hakim kami dipadankan dengan Hakim Mentor dari England dan Wales. Saya yakin bahawa program I-JUMP ini akan memperkukuhkan rangkaian professional kita dan memudahcara pembelajaran bersama di kalangan hakim-hakim kita

18. Kerjasama kehakiman antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom telah mencapai kemuncaknya melalui satu siri lawatan kehakiman dan profesional yang bermakna di United Kingdom pada Oktober 2025 di mana saya telah mengadakan lawatan rasmi ke The Honourable Society of Lincoln's Inn, kita telah disambut dengan mesra oleh Bendahari, Sir Paul Morgan, Timbalan Bendahari, Puan Emma Hopkins OBE, serta para Senior Benchers Lincoln's Inn, di samping Master of the Rolls, Yang Amat Arif Sir Geoffrey Vos. Lawatan ini memberi kesempatan untuk mengimbuai hubungan erat yang telah lama terjalin antara komuniti perundangan Negara Brunei Darussalam dan Lincoln's Inn, yang telah membentuk generasi demi generasi peguam bela dan hakim kita, termasuk saya sendiri. Kita turut membincangkan ruang-ruang kerjasama masa hadapan dalam latihan advokasi, pembangunan profesional berterusan serta pengukuhan piawaian profesional dan etika.
19. Saya juga berbesar hati untuk menghadiri Majlis Pembukaan Tahun Perundangan di England dan Wales, yang menandakan kehadiran saya buat kali kedua di majlis tersebut. Dalam kesempatan ini, saya turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Ketua Hakim England dan Wales, Yang Amat Arif Dame Sue Carr, serta Yang Amat Arif Lord Hodge, Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy, bagi meneroka bidang-bidang kerjasama kehakiman yang sedang dan bakal dilaksanakan, serta menegaskan semula komitmen bersama kami terhadap kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

TERJEMAHAN

20. Kehakiman telah meneruskan kerjasama erat dengan rakan serantau terdekat kami, Malaysia dan Singapura, melalui Persidangan Kehakiman Bersama ke-8 yang diadakan pada Mei 2025 di Singapura dengan tema “Building a Future-Ready Judiciary”. Perbincangan tertumpu kepada akses kepada keadilan dan teknologi, pertikaian rentas sempadan serta pendidikan kehakiman.
21. Program penempatan bersama Kehakiman Malaysia dan Singapura telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kehakiman kita pada tahun 2025, yang memberikan peluang berharga untuk mereka memerhati secara dekat proses mahkamah, amalan pengurusan kes dan pentadbiran kehakiman. Program-program ini amat memperkayakan profesionalisme dan menyumbang penuh bermakna kepada pembangunan pegawai-pegawai kita dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Kehakiman Singapura atas layanan mesra serta kesediaan mereka berkongsi pengalaman dan kepakaran. Ini benar-benar mencerminkan kekuatan hubungan institusi kita dan menegaskan komitmen bersama terhadap kecemerlangan kehakiman, pembelajaran bersama, serta hubungan yang rapat dan berterusan antara bidang kuasa kita.
22. Pendidikan kehakiman dan kerjasama turut diperkukuh melalui Siri Syarahan Kehakiman Brunei–Malaysia yang diadakan selaras dengan Memorandum Kerjasama Kehakiman yang ditandatangani pada tahun 2024. Syarahan pertama telah diadakan pada Mac 2025 dengan memberi tumpuan kepada prinsip penulisan penghakiman, diikuti dengan syarahan kedua pada November 2025 yang membincangkan “Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak”. Sesi-sesi ini telah menghimpunkan para hakim dan pegawai kehakiman dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, serta memudahcara pertukaran praktikal mengenai penaakulan kehakiman, penulisan penghakiman dan pengendalian kes-kes sensitif yang melibatkan saksi-saksi yang terdedah.
23. Kita juga telah meneruskan penglibatan secara pelbagai hala dengan kehakiman lain dan menegaskan semula komitmen terhadap kerjasama kehakiman serantau melalui Majlis

TERJEMAHAN

Ketua-Ketua Hakim ASEAN (CACJ) dan Persatuan Undang-Undang ASEAN (ALA) yang mana saya telah mewakili Mahkamah Besar pada Mesyuarat CACJ ke-12, manakala rakan saya, Pesuruhjaya Kehakiman Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Keffli, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ALA Brunei, telah menghadiri Mesyuarat Majlis Pentadbiran ALA ke-46 yang mana kedua-dua mesyuarat tersebut telah dihoskan di Singapura pada November 2025.

24. Pada September 2025, Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam telah diterima secara rasmi sebagai ahli kepada *Judicial Dispute Resolution Network* (JDRN), terdiri daripada kehakiman dari seluruh tradisi undang-undang biasa dan undang-undang sivil. Keahlian ini mencerminkan komitmen kami terhadap penyelesaian pertikaian yang awal, adil dan menjimatkan kos melalui pengurusan kes kehakiman yang proaktif serta mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) yang berkaitan dengan mahkamah. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kita akan menyertai mesyuarat JDRN pertama kita di Manila pada Januari 2026. Kami juga sedang berusaha ke arah keahlian *Standing International Forum of Commercial Courts* (SiFoCC), dengan hasrat untuk menyertainya pada tahun 2026.

C. Jawatankuasa Hal Ehwal Perundangan Bersama (JLAC)

25. Jawatankuasa Hal Ehwal Perundangan Bersama (JLAC) telah meneruskan usahanya sepanjang tahun lalu melalui kumpulan-kumpulan kerja dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa tersebut atas penglibatan berterusan serta kerjasama yang membina.

26. Kemajuan telah dicapai berhubung pindaan kepada Akta Profesion Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Profesion Undang-Undang, dengan draf akhir pindaan tersebut telah disediakan oleh Bahagian Penggubalan Perundangan, Jabatan Peguam Negara.

27. Saya juga dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini telah menyiapkan Edisi Kedua Garis Panduan Anugerah Kecederaan Peribadi di Negara Brunei Darussalam dan turut meluluskan satu projek perintis bagi *Skim Court*

TERJEMAHAN

Friends yang bertujuan untuk menambah baik akses kepada keadilan. Projek perintis ini akan dilaksanakan bagi tempoh tiga (3) bulan pada pertengahan tahun 2026, melibatkan pelajar undang-undang yang akan memberikan sokongan prosedur bukan perundangan yang terhad kepada litigan yang mewakili diri sendiri di sebutan kes sivil Mahkamah Majistret dan Tribunal Tuntutan Kecil.

28. Jawatankuasa tersebut juga telah meneruskan kerjanya berkaitan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan akan menggubal satu rangka kerja CPD pemantauan sendiri bagi menyokong kepatuhan yang seimbang dan praktikal oleh para peguam.
29. Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif ini mencerminkan peranan JLAC dalam menyokong pembaharuan yang memperkukuh piawaian profesional, menambah baik proses mahkamah, serta mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem keadilan.

D. Statistik

30. Saya akan menyentuh secara ringkas statistik bagi tahun lalu. Dari segi bebanan kes Kehakiman pada tahun 2025, data menunjukkan bahawa pemfailan di Mahkamah Rayuan mencatatkan penurunan sederhana bagi kedua-dua perkara sivil dan jenayah berbanding dengan tahun 2024, manakala Mahkamah Tinggi merekodkan peningkatan dalam pemfailan kes sivil dan bebanan kes jenayah yang secara umumnya kekal stabil. Mahkamah Perantaraan terus mengendalikan jumlah kerja yang signifikan, khususnya dalam kes-kes komersial yang kekal tinggi, di samping peningkatan kecil dalam perkara jenayah. Mahkamah-Mahkamah Majistret menanggung bahagian terbesar bebanan kes Kehakiman, dengan peningkatan ketara dalam pemfailan kes jenayah di semua daerah, manakala kes-kes Lalu Lintas Jalan Raya menunjukkan penurunan secara keseluruhan.
31. Pemfailan berkaitan kebangkrapan dan insolvensi kekal signifikan pada tahun 2025, dengan jumlah perintah penerimaan, perintah penghakiman kebangkrapan dan perintah penggulungan syarikat yang tinggi telah dikeluarkan. Pejabat Pendaftaran Waris terus menerima dan meluluskan jumlah permohonan yang stabil bagi surat kuasa mentadbir dan probet. Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Sivil merekodkan peningkatan ketara

TERJEMAHAN

dalam pendaftaran permohonan perkahwinan, dan sebaliknya terdapat penurunan dalam bilangan petisyen perceraian yang diterima. Secara keseluruhan, statistik ini menggambarkan keluasan skop kerja Kehakiman serta permintaan berterusan terhadap perkhidmatan dan sumber mahkamah.

III. INISIATIF UTAMA BAGI 2026

32. Memandang ke hadapan, izinkan saya menggariskan tumpuan Kehakiman bagi tahun akan datang dengan penekanan terhadap penglibatan pelajar dan program latihan industri, penambahbaikan keadilan juvena, panduan AI untuk pengguna mahkamah, dan garispandu untuk kemasukan peguambela dan peguamcara.

A. Penglibatan pelajar dan program latihan industri

33. Kehakiman mempunyai tanggungjawab untuk membantu memaklumkan dan mendidik orang awam mengenai apa yang dikerjakan oleh hakim dan pegawai kehakiman. Sebagai salah satu inisiatif kami untuk penglibatan belia, saya sukacita mengumumkan bahawa kita sedang meneroka pelancaran program projek perintis 'Hari Terbuka di Mahkamah' yang direka sebagai seminar Pendidikan yang berjalan setiap tahun untuk pelajar menengah atas dan pusat tingkatan enam. Program bertujuan untuk memberi pengenalan pada pelajar tentang peranan mahkamah, sistem undang-undang dan kepentingan kedaulatan undang-undang dalam kehidupan seharian dengan focus kepada topik yang berkaitan dengan orang-orang muda, yang berminat untuk mempelajari undang-undang. Dengan memberikan pelajar pada pendedahan awal pada sistem undang-undang, menjadi harapan saya yang kita dapat memupuk pemahaman undang-undang, tanggungjawab sivik dan memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang kerja-kerja mahkamah.

34. Kita juga sedang menimbangkan pengenalan Program perintis latihan industri kehakiman dwitahunan, yang akan menawarkan latihan perintisan jangka pendek dan tersusun untuk mahasiswa undang-undang dan graduan undang-undang yang baru tamat, dengan memberikan pendedahan dikawal selia untuk proses mahkamah dan

TERJEMAHAN

penyelidikan undang-undang. Pelatih akan ditugaskan bersama hakim dan pegawai kehakiman dan akan turut serta dalam aktiviti pembelajaran yang dibimbing, termasuk pemantauan kes, tugas penyelidikan dan sesi taklimat. Dengan memupuk minat awal pada kerja kehakiman, menjadi harapan saya bahawa kita oleh membantu mengembangkan bakat perundangan masa hadapan dan menawarkan pendedahan pada kerja-kerja kehakiman dan realiti prosiding kes.

35. Penglibatan pelajar dan inisiatif perintisan akan diketuai oleh Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dengan sokongan dari Unit Hal Ehwal Korporat Kehakiman dan kedua-dua program akan dilaksanakan dalam asas terhad untuk menilai kemampuan dan kesan sebelum sebarang pelaksanaan secara meluas.

B. Penambahbaikan dalam sistem Juvana

36. Sepertimana yang perlu, untuk mendidik belia dan mendukung penglibatan pelajar, juga perlu untuk menambahbaik keadilan juvana, dengan mengadakan sebuah rangka kerja yang memfokuskan pada pemulihan dan reintegrasi serta penekanan pada tindakan awal dan keputusan pemulihan.

37. Untuk kesalahan jenayah juvana, saya mencadangkan pertimbangan diberikan pada langkah pengalihan seperti amaran, peringatan dan persidangan Keadilan Juvana, sebelum pendakwaan diteruskan, dengan amalan hasil berasaskan pemulihan diutamakan berbanding langkah bersifat hukuman. Saya mencadangkan agar kesalahan yang telah tamat tempoh sabitannya disemak, supaya kesalahan lampau yang dilakukan oleh orang-orang muda, selepas menjalani tempoh tingkah laku baik, tidak akan membawa kepada rekod jenayah sepanjang hayat dan mendukung pemulihan dengan membolehkan orang muda untuk melangkah ke hadapan tanpa stigma jangka Panjang.

TERJEMAHAN

38. Bagi kes di luar kawalan ibu bapa, saya menyokong kebenaran pada mahkamah untuk menghubungkan keluarga dengan kaunseling dan sokongan serta perkhidmatan kebajikan berasaskan komuniti dan perkhidmatan. Sementara untuk kes pemedulian dan perlindungan yang menyangkut dera atau pengabaian, saya menyokong usaha untuk pendekatan berbilang disiplin yang menyertakan keluarga hendaklah digunakan. Ahli keluarga lain, pihak komuniti yang berkepentingan dan ahli profesional akan bekerjasama untuk bersetuju pada pelan keselamatan anak-anak, yang kemudiannya mahkamah boleh bekerja dengan perkhidmatan kebajikan untuk memberi kaunseling, bimbingan, pemulihan dan pengawasan berterusan bagi memastikan penjagaan susulan serta perlindungan kebajikan.

39. Untuk mendukung pelaksanaan penambahbaikan dengan berkesan, Pemangku Ketua Pendaftar akan menubuhkan jawatankuasa Bersama Agensi yang terdiri dari Pejabat Peguam Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Persatuan Undang-Undang dan agensi lain yang berkenaan, yang menggambarkan pendekatan bersepadu dan berorientasikan kanak-kanak dalam Keadilan Juvana.

C. Garis Panduan memudahcara bagi AI untuk pengguna mahkamah

40. Berikutan penerbitan panduan penggunaan kecerdasan buatan (AI) untuk pegawai kehakiman pada 2025, langkah perlu dilakukan untuk menangani penggunaan AI dengan bertanggungjawab oleh pengguna mahkamah. Pemangku Ketua Pendaftar bertanggungjawab menyediakan panduan oleh pengguna mahkamah, termasuk peguam, tentang penggunaan AI dengan sewajarnya. Tujuan panduan ialah untuk menyokong penggunaan AI yang beretika, profesional dan bertanggungjawab, sambil mengakui potensi faedahnya dalam meningkatkan kecekapan serta memudahkan akses kepada sistem Keadilan. Garispandu ini akan mengukuhkan kewajipan asas peguam untuk memastikan bahawa semua bahan yang dibentangkan di Mahkamah, termasuk kandungan yang dihasilkan atau dibantu oleh AI, adalah disahkan, tepat, benar dan

TERJEMAHAN

wajar. Langkah-langkah ini menunjukkan kesungguhan kehakiman dalam menerima inovasi teknologi secara berprinsip sambil mengekalkan integriti proses kehakiman.

D. Panduan kemasukan bagi peguambela dan peguamcara

41. Saya mengalu-alukan Persatuan Undang-Undang untuk mengkaji semula garispandu untuk kemasukan ke persatuan peguam berikutan penghakiman Mahkamah Rayuan di Rayuan Sivil No. 1 tahun 2025 antara Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan Marie Rita Leslie. Khususnya, pertimbangan harus diberikan pada syarat bahawa seorang penilai mesti mengenali pemohon sekurang-kurangnya dua tahun, di mana pemohon mengamalkan perundangan di luar negara, serta juga perlunya untuk panduan yang jelas penggunaan penilai yang berhubung dengan, atau berkaitan rapat dengan pemohon. Pemangku Ketua Pendaftar boleh membantu Persatuan Undang-Undang melalui JLAC dalam penggubalan garispandu ini.

IV. PENGHARGAAN

42. Bagi menyimpulkan ucapan saya, izinkan saya untuk mengesahkan beberapa perubahan pada Kehakiman yang lalu. Saya ingin menyampaikan setinggi tinggi penghargaan pada Hakim Conrad Seagroatt, yang bersara pada tahun lepas selepas bertahun-tahun memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada Negara Brunei Darussalam sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Hakim Seagroatt telah membuat banyak sumbangan berharga pada Kehakiman kita. Kita beruntung kerana mendapat manfaat dari kekayaan pengalaman dan kepakaran beliau, dan merupakan suatu penghormatan dan gembira berkerja bersama beliau. Saya ucapkan yang terbaik untuk persaraan beliau.

43. Sementara itu, Kehakiman terus berkembang kuat dan sukacita saya mengalu-alukan ke barisan kehakiman Hajah Izzatul Faizah binti Dr Haji Mohamad, seorang graduan Sarjana biasiswa Sultan's Scholar, yang akan menjalankan tugas sebagai Pendaftar di

TERJEMAHAN

Mahkamah Besar. Saya juga sukacita memaklumkan bahawa Pendaftar Pengiran Siti Nursu'aidah binti Pengiran Jufriزار @ Pengiran Tajuddin, telah dengan jayanya menamatkan pengajian Master of Laws in Judicial Studies (Sarjana Undang-Undang dalam Pengajian Kehakiman) dari Singapore Management University pada bulan Ogos 2025. Kita mengucapkan tahniah kepada pencapaiannya, yang menggambarkan penekanan berterusan Kehakiman dalam pembangunan profesional berterusan serta pemerksaan kapasiti kehakiman. Ucapan tahniah juga disampaikan pada tiga pegawai kehakiman yang telah berjaya menamatkan kursus Pengurusan Konflik Berstrategi Untuk Warga Profesional dalam bulan Disember 2025 dan sekarang merupakan mediator bertauliah di Pusat Timbang Tara Negara Brunei Darussalam, dan seterusnya menyertai barisan ahli panel mediator mahkamah yang berpengalaman.

44. Saya merakamkan ucap tahniah pada Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa atas pelantikan beliau sebagai Presiden Persatuan Undang-Undang dan saya berharap agar kerjasama antara Barisan Hakim dan Persatuan Peguam. Saya ingin mengucapkan terima kasih pada Presiden yang lalu iaitu Haji Mohammad Zainidi bin Haji Abdul Hamid atas sumbangan berharga sewaktu menjawat, yang mana beliau telah memantau banyak inisiatif di bawah JLAC dan telah mengembangkan hubungan yang membina serta produktif di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa.

45. Saya juga ingin merakamkan penghargaan pada semua yang telah membantu dalam pengendalian prosiding tatatertib dan telah menyumbangkan masa dan kepakaran untuk mendukung kerja-kerja profesi undang-undang. Saya bersyukur atas sumbangan mereka, kerana kerja mereka memainkan peranan penting dalam mendukung piawaian profesional, memelihara keyakinan orang ramai dan memelihara integriti profesion.

46. Sebagai penutup, saya kembali pada tema yang saya mulakan. Inisiatif dan penambahbaikan yang telah saya bentangkan pada hari ini menggambarkan komitmen

TERJEMAHAN

berterusan Kehakiman pada pentadbiran keadilan yang efisien, berkesan, adil dan saksama. Usaha-usaha ini teguh sejajar dengan aspirasi lebih luas yang dinyatakan dalam Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 dan mencapai matlamat ini memerlukan usaha berterusan, dan kerjasama antara pihak yang berkepentingan di seluruh institusi. Pentadbiran keadilan yang berkesan merupakan tindakan kolektif di seluruh komuniti kita dan saya ingin menyampaikan penghargaan pada hakim-hakim, pegawai-pegawai kehakiman, anggota dan kakitangan Kehakiman, serta ahli Persatuan Peguam, Pejabat Peguam Negara, agensi penguatkuasa undang-undang, semua yang bekerjasama dengan mahkamah sepanjang melaksanakan tanggungjawab profesional mereka. Saya ucapkan terima kasih atas khidmat awda serta dedikasi dalam mendukung kedaulatan undang-undang dan bagi kepentingan keadilan di Negara Brunei Darussalam.

47. Akhirnya, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan pada jawatankuasa Pembukaan Tahun Undang-Undang atas persiapan teliti mereka untuk majlis pada hari ini. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan tulus ikhlas pada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS atas sokongan berterusan yang amat bernilai. Penghargaan saya juga kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk Perbarisan Kawalan Kehormatan, yang kehadirannya penuh bermakna sebagai peringatan tentang peranan penting Pasukan Polis Diraja Brunei dalam sistem keadilan.

48. Terima kasih atas kehadiran awda semua dan saya mendoakan awda semua semoga tahun ini membawa kebahagiaan, kesejahteraan kesihatan dan bermakna.